

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 17/5/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Manfaat Jangka Panjang Kepada Semua.

**4 | Utusan Borneo** **Jumaat, 17 Mei 2013**

# Manfaat jangka panjang kepada semua

## Pelantikan 13 menteri bukti Najib fahami aspirasi rakyat dan pemimpin Sarawak, Sabah

Oleh Saibi Gi

**KUCHING:** Penganalisis politik melihat pelantikan ramai menteri dan timbalan menteri daripada kalangan Ahli Parlimen dan senator dari Sarawak dan Sabah bakal memberi manfaat jangka panjang terhadap dua negeri itu dan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Dr Jeniri Amir berkata pelantikan 13 orang menteri dari Sarawak dan Sabah, dengan tujuh daripadanya dari Sarawak menunjukkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memahami aspirasi rakyat dan pemimpin dari kedua-dua negeri itu.

"Pelantikan tujuh menteri dari Sarawak, termasuk seorang senator merupakan

**“ Pelantikan berkenaan membuktikan keyakinan dan kepercayaan Perdana Menteri terhadap keupayaan barisan pemimpin dari negeri ini. ”**

Dr Jeniri Amir  
Pensyarah Kanan UNIMAS

sesuatu yang bersejarah dan begitu signifikan kerana ini merupakan jumlah menteri terbesar pernah ditampilkan dari negeri ini dan Sarawak



JENIRI

merupakan penyumbang terbesar dari segi jumlah menteri, ini merupakan sesuatu yang amat membanggakan.

"Pelantikan berkenaan membuktikan keyakinan dan kepercayaan Perdana Menteri terhadap keupayaan barisan pemimpin dari negeri ini," katanya kepada *Utusan Borneo*, semalam.

Menurutnya, Najib dalam membuat keputusan itu telah mengambil kira kelayakan, pengalaman dan kepakaran wakil rakyat terbaik.

Sebagai simpanan tetap dan penyelamat BN daripada tumbang ke tangan Pakatan Rakyat, Sarawak wajar diberi jawatan sebanyak itu.

Ini merupakan hadiah terbaik sempena kita meraikan ulang tahun ke-50 pembentukan Malaysia pada tahun ini, katanya.

Dengan pelantikan barisan pemimpin yang menggabungkan mereka yang berpengalaman dengan golongan yang agak muda, kita boleh sifatkan

ia merupakan acuan terbaik untuk memacu negara ini ke hadapan.

Jelas beliau, pelantikan Datuk Fadillah Yusof sebagai Menteri Kerja Raya merupakan sesuatu yang menggagak kerana ini merupakan pertama kali jawatan itu diberi kepada pemimpin dari negeri ini.

Pelantikan dua pemimpin wanita dari Sarawak turut menggembirakan, katanya.

"Saya percaya menteri dari Sarawak itu bukan sahaja akan berupaya membantu Perdana Menteri memenuhi agenda transformasi tetapi juga membantu agenda menjadikan negara ini sebagai negara berpendapatan tinggi," ujarnya.

Meskipun tumpuan mereka berkisar terhadap kepentingan nasional, mereka sudah pasti dapat membantu

membangunkan Sarawak dalam pelbagai bidang, termasuk dari segi menyediakan kemudahan prasarana yang lebih baik, meliputi semua kawasan merangkumi keperluan semua kaum, selain membangunkan bidang-bidang lain seperti perladangan, pendidikan, sumber manusia, pelancongan, perumahan, sosial dan seumpamanya.

"Pelantikan tujuh orang menteri dari Sarawak dalam kabinet baharu dibentuk memperlihatkan hakikat Perdana Menteri menghargai dan mengiktiraf sumbangan BN Sarawak pada PRU13 lalu.

"Dengan kemenangan 25 kerusi daripada 31 kerusi, Sarawak menjadi penyumbang terbesar daripada 133 kerusi yang dimenangi," katanya.